

B587
BUKU

1981

TELUK ANSON, 14 SEPT. (BERNAMA) — BUKU +THE MALAY DILEMMA+ DAN BUKU +MENGHADAPI CABARAN+ KARANGAN DR. MAHATHIR MOHAMAD AKAN DICETAK KE DALAM BAHASA ARAB TIDAK LAMA LAGI.

DUTA BESAR MALAYSIA KE REPUBLIK ARAB MESIR, HAJI HASAN ADLI ARSHAD TELAH MENGARAHKAN BAHAGIAN PENERANGAN DI KEDUTAANNYA UNTUK MENTERJEMAH DAN MENCETAK BUKU-BUKU TERSEBUT.

KATANYA NEGARA-NEGARA ARAB TERUTAMA MESIR, LEBANON DAN SUDAN SANGAT TERTARIK DAN SENTIASA MENGAMBIL PERHATIAN BERAT TENTANG PERUBAHAN PUCUK PIMPINAN DI MALAYSIA SEKARANG.

+UNTUK MEMPERKENALKAN LEBIH LUAS LAGI KEPIMPINAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAKA SAYA TELAH MENJALANKAN INISIATIF SENDIRI UNTUK MENTERJEMAH BUKU-BUKU TERSEBUT KE DALAM BAHASA ARAB,+

+SAYA YAKIN TERJEMAHAN DUA BUAH BUKU ITU NANTI AKAN MENDAPAT SAMBUTAN KERANA 200 JUTA UMAT ARAB MEMANG TERKENAL SEBAGAI MASYARAKAT YANG GEMAR MEMBACA,+ KATANYA. — BERNAMA 1/20/SZ

B642

BUKU 2 TELUK ANSON (SAMBUNGAN BERITA B587)

HAJI HASAN ADLI BERKATA DEMIKIAN DI MAJLIS MAKAN MALAM DI SINI MALAM TADI MERAIKAN PENOLONG SETIAUSAHA PEMUDA UMNO BAHAGIAN BAGAN DATOH ENCIK SAMSI MINAN DAN ISTERINYA YANG AKAN MENUNAIKAN FARDHU HAJI. — BERNAMA 2107/LK